

25/04/1997

Demokrasi bukan ukuran Myanmar sertai Asean: Dr M

KUALA LUMPUR, Khamis - Myanmar tetap akan diterima menyertai Asean walaupun pemerintahannya nanti dikuasai oleh kerajaan yang tidak dianggap demokratik, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Asean, kata Perdana Menteri, tidak menyokong jenis kerajaan ataupun mana-mana individu yang menerajui negara itu tetapi menyokong kemasukannya ke dalam perkumpulan serantau ini.

"Kita tidak menyokong kerajaan atau individu, kita hanya menyokong kemasukan Myanmar ke dalam Asean. Jika mereka di Myanmar menukar kerajaan, mereka masih berada dalam Asean. Jika mereka mahu mengekalkan kerajaan yang ada, itu keputusan mereka.

"Kita tidak tanya sama ada mereka demokratik atau tidak. Ini kerana dalam Asean ada kerajaan yang boleh dianggap sebagai demokratik dan ada yang dianggap tidak demokratik.

"Malaysia sering dianggap sebagai kerajaan tidak demokratik. Jadi apakah kita perlu keluar dari Asean," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Teknologi Maklumat Negara (MTMN) di Jabatan Perdana Menteri hari ini. Hadir sama ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Awal minggu ini, Amerika Syarikat (AS) mengumumkan keputusannya untuk menghalang pelaburan barunya di Myanmar sehingga Majlis Pemulihan Undang-undang dan Ketenteraman (SLORC) yang mentadbir negara itu memperbaiki keadaan hak asasi manusia di Myanmar.

Perdana Menteri berkata, Malaysia akan membuat pendirian tegas berhubung tindakan Amerika Syarikat mengenakan sekatan terhadap Myanmar.

"Saya tidak suka orang lain beritahu saya siapa yang boleh jadi kawan saya dan siapa yang akan jadi musuh saya. Malaysia adalah negara bebas dan mahu bertindak sebagai negara merdeka.

"Adalah malang sekali kita tidak dibenarkan mewujudkan Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC). Kita boleh teruskan tetapi negara bakal anggota dihalang untuk sertai EAEC. Ini adalah negara bebas tetapi bebaskah kalau begini?" katanya.

Ditanya mengapa Malaysia mengubah pendiriannya dalam mengenakan sekatan terhadap Myanmar yang tidak mengamalkan demokrasi berbanding sokongan sekatan ke atas rejim terhadap Afrika Selatan yang mengamalkan dasar aparteid dulu, Dr Mahathir menjawab: "Tiada perubahan".

"Apabila kita menyokong sekatan itu terhadap Afrika Selatan, ia sebenarnya diminta oleh ANC (Kongres Kebangsaan Afrika) dan rakyat kulit hitam di negara itu. Mereka mahukan sekatan itu dan sedia menghadapi kesannya.

"Dalam kes Myanmar, rakyat negara itu tidak meminta sekatan kecuali Aung San Su Kyii yang mempunyai agenda politiknya tersendiri.

"Sekatan akan menjejaskan rakyat, bukannya kerajaan. Kerajaan akan terus berfungsi dengan segala kemewahan jika mereka mahu. Sekatan terhadap Iraq telah menjejaskan rakyat Iraq tetapi bukan kerajaan Iraq atau pemimpin-pemimpinnya. Jadi kita tidak harus membuat perkara seperti itu terhadap rakyat negara lain," kata Perdana Menteri.

Mengenai sama ada beliau sudah membuat keputusan mengenai Menteri Besar Selangor yang baru, Perdana Menteri berkata: "Saya akan membuat keputusan untuk menamakan Menteri Besar Selangor yang baru apabila saya sudah menjumpai orangnya," katanya.

Ditanya mengenai rombakan Kabinet dan pasaran saham, Dr Mahathir secara

berseloroh menjelaskan: "Saya tak tahu apa-apa mengenai rombakan Kabinet tetapi mengenai saham, anda boleh bertanya kepada rakan saya di sebelah ini," sambil menunjuk kepada Anwar, yang juga Menteri Kewangan di sebelahnya.

(END)